

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan segolongan pensyarah dan pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh (PUO). Penyelidik mengkaji bagaimana penggunaan bahasa Melayu dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah. Biasanya, kebanyakan aktiviti interaksi di dalam bilik darjah dilakukan dalam bentuk lisan. Terdapat sarjana-sarjana bahasa seperti Asmah (1993) dan Teo (2002) yang mengakui kenyataan bahawa fenomena interaksi pada proses komunikasi ini banyak mempengaruhi bukan sahaja apa yang ingin diperkatakan, tetapi cara sesuatu itu diperkatakan. Maka, kajian ini secara am mengkaji ujaran-ujaran dalam bilik darjah dari perspektif pragmatik bagi mendapatkan gambaran kasar tentang fungsi bahasa dalam percakapan kelas, dan secara khususnya menemui strategi tanya-jawab utama yang digunakan oleh para pensyarah dan pelajar-pelajar dalam lima sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah disampelkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Adalah mustahak untuk kita mengetahui bahawa keterampilan pragmatik individu dalam satu bentuk bahasa bukanlah bermaksud dari segi kepetahan individu itu bertutur dengan menggunakan nahu yang betul tetapi adalah pada kecekapan berkomunikasi, iaitu bagaimana individu itu membuat penyesuaian dalam penggunaan bahasa dan berkomunikasi berdasarkan pelbagai konteks situasi.

Lazimnya, ujaran-ujaran dalam bilik darjah terjadi dalam urutan tertentu dalam konteks yang agak formal. Interaksi verbal dalam bilik darjah juga memerlukan peserta memberi respons dengan pantas dan spontan. Di samping itu wacana percakapan kelas juga

berciri tidak teratur, iaitu tidak mempunyai struktur rapi seperti yang ada dalam teks tertulis. Justeru, peserta-peserta dalam interaksi bilik darjah akan mempraktikkan strategi-strategi pertuturan yang sangat berbeza dengan konteks situasi yang lain.

Apabila diajukan sesuatu soalan, lazimnya terjadinya jawapan yang sesuai mengikut konteks dan situasi pertanyaan. Untuk mengenalpasti jawapan berkenaan, pendengar harus membuat interpretasinya dengan setepat yang boleh. Masalahnya bagaimana penutur dan pendengar dapat memastikan bahawa mereka adalah saling memahami sewaktu bertanya-jawab di antara satu sama lain.

Dalam kajian ini, walaupun responden pelajar menuntut di politeknik, ini tidak bermakna setiap mereka telah memiliki kecekapan berbahasa yang tinggi. Masyarakat umum memandang taraf pelajar kursus diploma pada peringkat '*tertiary*', iaitu secara umum mereka dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat pengguna bahasa Melayu yang berkebudayaan konteks tinggi. Namun harus diakui bahawa di bawah kategori masyarakat kebudayaan konteks tinggi ini, sebenarnya terdapat kebudayaan konteks tinggi rendah, tengah dan tinggi; seperti pernyataan Zamzani (2007) bahawa pada hakikatnya hal tersebut adalah kontinum.

Menurut beliau, kebudayaan dalam konteks tinggi ini merujuk kepada konteks masyarakat berkomunikasi, yang mana masyarakat cenderung memilih bentuk tuturan tidak langsung dan terselubung atau implisit dalam menyampaikan maksud, serta lebih banyak menggunakan bentuk bukan linguistik. Dalam pada itu, peranan konteks amat penting untuk menafsirkan maksud sesuatu ujaran dengan tepat. Bertitik tolak dari pernyataan tersebut, maka adalah mungkin dan munasabah untuk penyelidik menemui

pelbagai jenis strategi tanya-jawab dalam konteks penggunaan bahasa Melayu sepanjang pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Pendidikan Moral ialah modul teras atau kursus wajib untuk semua pelajar politeknik yang bukan Islam. Oleh demikian, pensyarah yang mengajar Pendidikan Moral berkesempatan berinteraksi dengan pelajar-pelajar dari beberapa kelompok etnik yang berlainan, kebanyakan mereka adalah kaum Cina atau kaum India. Kelainan komuniti etnik pelajar ditambah dengan asal daerah yang berbeza-beza, kesemuanya akan menghasilkan latar belakang penutur bahasa Melayu dalam konteks kebudayaan yang berbeza. Seterusnya perbezaan ini sedikit sebanyak memberi impak tertentu kepada interaksi dalam bilik darjah.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau strategi tanya-jawab dalam konteks bilik darjah dari sudut penutur, yakni bagaimana penutur (sama ada pensyarah atau pelajar) memilih dan menggunakan taktik tertentu bagi mengadaptasi keperluan berkomunikasi secara berkesan yang menjurus kepada interaksi pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Ini kerana fungsi tanya-jawab memang sesuai sebagai penggerak komunikasi semula jadi bagi penutur memulakan topik bicara yang baru ataupun membolehkan pendengar memperluaskan lagi sesuatu perbualan yang sedia ada. Ia bukan sahaja dapat menarik perhatian pendengar kepada suatu topik perbualan atau memasuki suatu isu perbincangan dengan lebih cepat dan mudah, bahkan membantu peserta menyingkatkan waktu kesenyapan yang mungkin terjadi semasa berkomunikasi.

Dalam hal ini, penggunaan strategi tanya-jawab yang efektif dapat mewujudkan kesefahaman dan mengeratkan hubungan di antara pensyarah dan pelajar-pelajar,

seterusnya membawa kepada suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Berdasarkan pernyataan di atas, maka penyelidik melakukan satu kajian mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam lima sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah.

Demikian juga, dengan adanya keterampilan pragmatik dalam bahasa, dipercayai bahawa baik pensyarah atau pelajar dapat lebih memahami fungsi dan perasaan yang mungkin terselindung di sebalik sesuatu ujaran seterusnya memberikan respons yang bersesuaian. Kesemua usaha ini akhirnya dapat mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

1.4 Persoalan Kajian

Ekoran daripada objektif di atas, kajian ini cuba menjawab dua persoalan berikut:

- (i) Apakah jenis-jenis strategi tanya-jawab utama yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar dalam interaksi bilik darjah untuk mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang kondusif?
- (ii) Apakah variasi lakuan bahasa yang mungkin wujud bersama dengan lakuan bahasa pertanyaan dalam interaksi bilik darjah berkenaan?

Lazimnya didapati dalam kebanyakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah, sekolah menengah, kolej, mahupun institut pengajian tinggi yang lain, peranan pengajar adalah lebih menonjol. Maka bagi menjawab persoalan pertama, kajian ini dilakukan untuk memperlihatkan bagaimana pensyarah politeknik mengelolakan tanya-jawab untuk menggerakkan interaksi pelbagai hala dalam bilik darjah. Pempraktikan tanya-jawab demi mengaktifkan interaksi bilik darjah ini perlu dilakukan berdasarkan strategi,

iaitu rancangan dan pemilihan urutan serta tujuan penutur yang dapat memanfaatkan pencapaian pelajaran yang bermakna dalam kelas berkenaan.

Dalam hal ini, penggunaan strategi tanya-jawab yang efektif secara langsung mewujudkan interaksi yang positif dalam bilik darjah di samping melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya dapat membantu pencapaian matlamat pelajaran secara optimum. Tidak kira pensyarah atau pelajar, masing-masing harus berlatih dan memahirkan diri dalam mengemukakan pertanyaan atau memberi jawapan yang sesuai kepada pertanyaan pihak lain. Hal demikian bukan sahaja merapatkan jarak interaksi, menjalin hubungan yang mesra antara pensyarah dengan pelajar ataupun sesama pelajar-pelajar sendiri, meningkatkan kesefahaman dalam kelas malah merangsangkan suasana pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih hidup, ceria dan komunikatif.

Kajian ini juga berbeza dengan kajian-kajian lepas yang mana mereka memberi penelitian khusus terhadap peranan guru atau pensyarah dalam interaksi bilik darjah tetapi mengabaikan peranan pelajar yang merupakan kelompok majoriti dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, penyelidik berusaha untuk meninjau komunikasi bahasa oleh kedua-dua pihak pensyarah dan pelajar dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah.

Fokus penyelidik mengkaji tanya-jawab dalam konteks bilik darjah ini juga dapat memberikan rujukan tambahan kepada konteks interaksi lain yang juga bersifat formal seperti tanya-jawab antara doktor dengan pesakit, antara wartawan dengan pihak-pihak tertentu, antara pegawai kaunter perkhidmatan pelanggan dengan pelanggan dan sebagainya.

Sementara itu, persoalan kedua juga adalah penting untuk ditinjau dalam kajian ini. Lakuan bahasa dalam bahasa verbal pada dasarnya dapat dibahagikan kepada beberapa kategori, dan salah satu lakuan bahasa yang wujud iaitu lakuan bahasa pertanyaan. Lakuan bahasa seperti ini mempunyai maksud dan fungsi penggunaan yang lebih luas dalam konteks pertuturan sebenar berbanding dengan makna yang diperoleh berdasarkan bentuk perkataan ataupun struktur ayat. Menurut Wan Robiah dan Hamidah (2006), konsep pertanyaan dan jawapan dalam analisis pragmatik perlu dikaitkan dengan konteks atau situasi pertuturan. Kebenaran pernyataan ini dapat diperlihatkan berdasarkan penyelidikan empirikal ini.

Kajian-kajian lepas yang melibatkan lakuan bahasa dalam konteks tanya-jawab bahasa Melayu adalah agak terhad. Antara sarjana-sarjana bahasa tempatan yang pernah melakukan kajian sebegini adalah seperti Ahmad Mahmud (1998), Wan Robiah dan Hamidah (2006). Ahmad Mahmud (1998) mengulas bahawa kebanyakan kajian tentang ayat tanya bahasa Melayu hanya melihat struktur ayat tanya berdasarkan nahu yang bebas daripada konteks. Menurut beliau lagi, kajian ayat tanya melalui pendekatan analisis wacana sangat penting untuk melihat maksud sebenar yang didukung oleh sesuatu ayat tanya. Oleh demikian, beliau mengusulkan kajian bahasa Melayu berdasarkan konteks penggunaannya patut diteruskan untuk mendapatkan maklumat sebenar dan lebih realistik.

Sejajar dengan pernyataan Ahmad Mahmud (1998), Wan Robiah dan Hamidah (2006) di atas, maka penyelidik cuba melakukan satu kajian analisis pragmatik untuk meneliti variasi lakuan bahasa yang wujud sebagai lakuan bahasa sampingan pertanyaan dalam konteks wacana-wacana kelas yang berkenaan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang interaksi verbal antara pensyarah dengan pelajar atau pelajar dengan pelajar dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah. Bahasa adalah alat untuk manusia berinteraksi antara satu sama lain. Maka adalah penting untuk mengkaji fungsi bahasa berdasarkan konteks penggunaan yang sebenar.

Kajian ini juga merupakan satu usaha ke arah merangsangkan para pendidik dan pelajar tentang kesignifikanan suatu ujaran yang dikaitkan dengan ragam bahasa yang berbeza-beza. Maka kajian mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam konteks tanya-jawab dalam bilik darjah ini dapat membawa satu dimensi baru terhadap interaksi pengajaran dan pembelajaran. Individu seperti guru atau pensyarah yang selalu berdepan dengan pelajar, ataupun di kalangan pelajar-pelajar sendiri harus memiliki kemahiran berbahasa yang mencakup pengetahuan dan keterampilan tentang makna dan fungsi lakuan bahasa yang berbagai-bagai berdasarkan konteks penggunaan yang sebenar. Ini kerana salah satu matlamat pengajaran adalah untuk mempermudah pencapaian otonomi pelajar.

Diharap kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang linguistik dan pedagogi dari perspektif pragmatik, bahkan dijadikan rujukan kepada golongan pendidik semasa mengelolakan tanya-jawab dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian ini juga bermanfaat bagi menambah satu lagi kajian dalam skop bahasa Melayu. Ini adalah kerana bahasa Melayu bukan sahaja digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah malahan salah satu bahasa komunikasi yang utama di peringkat politeknik.

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini hanya meneliti interaksi percakapan dalam bilik darjah yang berunsur tanya-jawab. Interaksi percakapan antara pensyarah dengan pelajar ini tidak dirakam secara video tetapi dengan alat perakam suara sahaja. Dengan demikian, para peserta tidak akan menjadi kaku dan dapat bertutur secara bersahaja dalam bilik darjah seperti sedia kala. Hasil daripada itu, data yang diperolehi adalah dalam bentuk yang benar, boleh dipercayai dan lebih semula jadi. Kajian ini tidak bermatlamat menganalisis kesilapan gramatikal, maka segala kesalahan nahu yang mungkin terdapat di dalam data rakaman akan ditranskripsikan seperti yang asal dan tidak akan dikupas.

Persampelan kajian ini merupakan responden dalam satu kes khusus yang dikaji. Dengan kata lain, hasil kajian ini hanya menerangkan ciri-ciri responden berkenaan, dan adalah benar untuk situasi responden berkenaan sahaja. Maka dapatan kajian ini mungkin tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada populasi yang lain.

1.7 Pentakrifan Istilah

Terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan sebagai pegangan dalam kajian ini:

i. Strategi:

Istilah ini merujuk kepada satu jujukan tatacara bagi menghasilkan sesuatu perkara. Tatacara khusus dalam jujukan itu dipanggil sebagai 'teknik' (dipetik dari Nik Azis, 1991:137). Dalam konteks interaksi pengajaran dan pembelajaran, strategi bermaksud kebijaksanaan yang digunakan oleh pensyarah atau pelajar untuk mencapai matlamat masing-masing.

ii. Tanya-jawab:

Tanya-jawab sebenarnya suatu proses pertukaran mesej yang berlaku dalam mana penanya menghantar mesej secara verbal (pertanyaan) kepada penerima, iaitu orang yang ditujukan pertanyaan. Mesej itu memungkinan penerima tersebut memberi respons (jawapan). Penerima cuba memahami, menafsirkan maksud yang terkandung dalam mesej itu secara tepat agar dapat membalaskan mesej (memberi jawapan) seperti yang dikehendaki oleh penanya untuk memuaskan tujuan berkomunikasi sesama mereka. Dalam konteks interaksi pengajaran dan pembelajaran, tanya-jawab merupakan alat yang biasa digunakan oleh pensyarah atau pelajar untuk menjalinkan hubungan dan meningkatkan kesefahaman serta memajukan proses pelajaran.

iii. Bilik darjah:

Secara dasarnya, istilah bilik darjah yang diterimapakai dalam kajian ini merujuk kepada konsep yang umum, iaitu satu ruang di mana proses pengajaran dan pembelajaran secara formal berlaku di bawah pengelolaan seorang pensyarah terhadap sekumpulan pelajar.